

Ketua Hakim Negara terima anugerah UniSZA

Kuala Terengganu: Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria semalam, dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini, sebagai pengiktirafan atas sumbangan dan ketokohnya di dalam bidang itu.

Selain beliau, turut menerima Ijazah Kehormat Kedoktoran itu adalah Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin dalam bidang Doktor Perubatan dan Gabenor Negeri Kano Nigeria, Ir Dr Rabi Musa Kwankwaso (Doktor Falsafah Kepimpinan Pendidikan).

Anugerah disampaikan oleh Pro Canselor UniSZA, Tan Sri Dr Mohd Yusof Nor, dalam Is-

tiadat Konvokesyen Keenam universiti itu di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak, di sini.

Turut hadir Ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, Datuk Shaikh Harun Ismail; Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom dan Naib Canselornya, Prof Datuk Yahaya Ibrahim.

11 graduan antarabangsa

Seramai 2,485 graduan UniSZA akan menerima ijazah masing-masing dalam majlis konvokesyen yang bermula semalam hingga esok dengan enam graduan ijazah doktor falsafah, 22 graduan sarjana, sarjana muda (824) dan diploma (1,633).

Daripada jumlah itu, 11 pe-



Ahmad Hanafi dan Shi Wei bersama anugerah diterima pada Majlis Konvokesyen Keenam UniSZA di Kuala Terengganu, semalam.

[FOTO SYAHIRAH ABDULLAH /BH]

nerima adalah graduan antarabangsa dan angka itu mencatatkan peningkatan sebanyak 42 peratus dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini bermula 2012.

Dalam majlis itu, penuntut Fakulti Biosumber, Ahmad Ha-

nafi Sulung, 23, serta Vivian Lam Shi Wei, 24, dari Fakulti Seni Reka dan Teknologi Kejuruteraan dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja, iaitu pengiktirafan tertinggi yang julung kali diperkenalkan tahun ini.